

11/07/2004

Terseher kepada ahli: Pak Lah (HL)

By Misiah Taib; Shamshul Azree Samshir

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyerahkan sepenuhnya kepada ahli Umno untuk menentukan sama ada mereka mahu mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah bertanding jawatan Presiden parti.

"Saya tidak tahu. Biar ahli Umno yang menentukannya," katanya ketika ditanya sama ada beliau rasa Tengku Razaleigh mampu memperoleh minimum 30 peratus pencalonan atau sokongan daripada 58 bahagian bagi melayakkannya bertanding jawatan nombor satu dalam parti itu.

Perdana Menteri yang juga Pemangku Presiden Umno itu diminta mengulas Ahli Parlimen Gua Musang itu yang menawarkan diri bertanding jawatan Presiden Umno pada pemilihan parti September ini.

Ketika ditanya mengenai keputusan Tengku Razaleigh pada sidang media selepas merasmikan Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur (MPDRMKL) di Cheras, dekat sini, semalam, Abdullah berkata: "Itu hak dan pandangan beliau (Tengku Razaleigh)."

Kepada soalan sama ada tindakan Tengku Razaleigh itu boleh memecah belahkan dan melemahkan parti, Perdana Menteri berkata, terserahlah kepada ahli-ahli Umno sendiri untuk menentukannya.

Tengku Razaleigh ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Pemuda dan Puteri Umno bahagian Gua Musang kelmarin, dilaporkan berkata, beliau membuat keputusan itu selepas berfikir panjang lebar dan terpulang kepada bahagian sama ada mahu mencalonkannya.

Beliau juga berkata, keputusannya bertujuan menghidupkan kembali amalan demokrasi dan membebaskan ahli Umno untuk membuat pilihan sendiri, pemimpin yang mereka suka dan ada kelayakan.

Ekoran pengumuman beliau itu, beberapa pemimpin tertinggi Umno melahirkan rasa terkejut dan menganggap ia sebagai melawan arus serta tidak menghormati Perdana Menteri.

Pengumuman Tengku Razaleigh kelmarin juga mengakhiri desas-desus bahawa beliau sekali lagi akan mencuba nasib untuk menjadi Presiden Umno selepas beberapa kali gagal bukan saja dalam percaturan merebut jawatan nombor satu, malah jawatan nombor dua dalam parti itu.

Beliau kali pertama bertanding jawatan Timbalan Presiden pada 1981 bagi mengisi kekosongan apabila Tun Dr Mahathir Mohamad menggantikan Tun Hussein Onn sebagai Presiden Umno, tetapi tewas di tangan Tan Sri Musa Hitam.

Pada 1984, beliau sekali lagi mencuba nasib tetapi tewas kepada Musa yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri. Pada 1987, beliau mencabar Dr Mahathir untuk jawatan Presiden dalam pertandingan yang dianggap paling sengit dalam sejarah Umno dan sekali lagi tewas.

Gara-gara tidak berpuas hati dengan kekalahan itu, penyokong Tengku Razaleigh membawa Umno ke mahkamah yang kemudian mengisytiharkan parti itu tidak sah dari segi undang-undang.

Setahun selepas itu, beliau bersama sebahagian besar penyokongnya yang gagal menubuhkan semula Umno, membentuk parti baru, Semangat 46 dan bertanding pada pilihan raya umum 1990 dan 1995.

Bagaimanapun, apabila sokongan terhadap Semangat 46 semakin menurun pada 1997, Tengku Razaleigh membubarkannya dan mengetuai bekas ahli parti itu kembali ke pangkuan Umno.

Kali terakhir beliau mencuba nasib ialah pada tahun 2000 apabila dicalonkan untuk dua jawatan tertinggi parti tetapi gagal memenuhi kuota pencalonan.

Sementara itu, di Putrajaya, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika ditanya sama ada baik atau tidak Tengku Razaleigh bertanding jawatan Presiden Umno, berkata:

"Saya tidak boleh kata baik atau tidak baik kerana dalam proses Umno, setiap individu ada hak untuk bertanding. Apa yang saya katakan ialah soal kebijaksanaan membenarkan kerusi Presiden Umno ditandingi selepas kemenangan besar dalam pilihan raya umum lalu.

"Saya tidak fikir ahli Umno mahu melihat situasi itu berlaku (pertandingan bagi kerusi Presiden Umno)."

Timbalan Perdana Menteri berkata, Majlis Tertinggi (MT) Umno sudah membuat keputusan supaya jawatan Presiden parti tidak ditandingi berdasarkan kepimpinan Abdullah mendapat mandat yang meyakinkan pada pilihan raya umum lalu.

"Ini bererti bahawa rakyat telah memberi sokongan dan kepercayaan luar biasa kepadanya. Sebab itulah dari segi kepemimpinan dalam Umno, tidak ada sebab mengapa kita harus mencabar seorang pemimpin yang telah membawa kemenangan dan kejayaan yang begitu besar," katanya.

Najib berkata, akar umbi harus mematuhi mandat yang diberi rakyat kepada Abdullah sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno.

"Sebagai Pemangku Presiden Parti, Abdullah memerlukan sokongan padu untuk kita melaksanakan segala mandat dan amanah yang rakyat telah letakkan di atas bahu Umno," katanya.

Beliau mahu akar umbi Umno tidak mencampur-adukkan sentimen individu dengan perjuangan dan kepimpinan parti yang memerlukan barisan pemimpin kukuh dan stabil demi masa depan Umno dan negara.

Perjuangan Umno, katanya adalah lebih besar daripada soal individu. "Jadi perjuangan kita ini lebih besar, lebih luas daripada soal individu. Sebab itulah kita tidak boleh mengukur penentuan dalam Umno berasaskan kepada perasaan, emosi dan sentimen mana-mana individu," katanya selepas menyampaikan ucapan di majlis makan tengah hari bersama barisan Ketua Perwakilan Negara sempena Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), semalam.

(END)